

UMS Giat Penyelidikan Yang Manfaatkan Komuniti, Industri

Terakhir dikemaskini: Isnin, 25 Februari 2019 17:30 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 704

[Kongsi 0](#)
[Syorkan 0](#)
[Kongsi](#)
[Tweet](#)
[Share](#)


ISNIN, 25 FEBRUARI - Universiti Malaysia Sabah (UMS) mahu menggiatkan aktiviti penyelidikan translasi (Translational Research) dan penyelidikan transdisiplin (Transdisciplinary Research) agar setiap hasil kajian yang dilaksanakan mampu memberi impak dan manfaat besar kepada komuniti setempat serta industri.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMS, Prof. Dr. Shahril Yusof berkata, penyelidikan translasi dan transdisiplin adalah merupakan dua kata kunci utama dalam pelan strategik penyelidikan UMS yang dirangka pada tahun 2018 bagi memenuhi kepentingan pemegang taruh di peringkat negeri, kebangsaan mahupun antarabangsa.

“Penyelidikan translasi adalah kajian bersifat ilmu yang dapat diterjemahkan kepada kepentingan masyarakat dan industri, sebagai contoh masalah bekalan air di kawasan Pedalaman Sabah misalnya boleh dikaji bagi tujuan menyelesaikan masalah tersebut untuk manfaat komuniti setempat.

“Penyelidikan transdisiplin pula adalah kajian yang dilakukan tidak

terhad hanya dari sekelompok penyelidik dalam bidang yang sama, tetapi turut melibatkan penyelidik yang berlatar belakangkan dari pelbagai bidang,” katanya.

Dengan mengambil contoh kajian tentang bidang akuakultur di Sabah boleh melibatkan pakar bidang akuakultur dari Institut Penyelidikan Marin Borneo (IPMB) bagi kajian terhadap spesies ikan dan makanannya, dan dalam pada masa yang sama penyelidikan dalam bidang sains sosial juga diperlukan bagi melihat impak bidang akuakultur dalam sesuatu masyarakat, selain boleh juga melibatkan pakar dari Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (FPEP) bagi mengambil peranan dalam kajian pemasaran, serta penglibatan dari program kejuruteraan bagi menyelesaikan masalah-masalah dalam aspek fizikal bagi bidang akuakultur.

Prof Shahril menambah, penyelidikan translasi dan transdisiplin ini juga merupakan salah satu kriteria utama dalam agenda penyelidikan dan inovasi UMS yang memfokuskan kepada tujuh bidang penyelidikan iaitu bidang Akuakultur; Pertanian dan Makanan; Kelestarian Biodiversiti dan Alam Sekitar; Pelancongan; Kesihatan Awam dan Penjagaan Kesihatan Pintar; Pembasmian Kemiskinan, Keselamatan dan Pengangkutan Awam; dan budaya dan bahasa ibunda.

“Tujuh bidang penyelidikan yang ditumpukan ini juga mengambil kira kepentingan masyarakat dan industri, selain selari dengan 10 bidang keberhasilan kerajaan negeri Sabah serta 17 matlamat pembangunan lestari.

“Justeru, bagi tujuan memperkasa usaha penyelidikan bidang-bidang tersebut, UMS telah menetapkan 70% daripada dana penyelidikan dalaman perlu berbentuk penyelidikan translasi dan transdisiplin, selain turut mengambil pendekatan dalam memberikan geran penyelidikan yang tidak hanya memfokuskan kepada satu bidang tertentu, tetapi lebih kepada konsep penyelidikan translasi dan transdisiplin,” jelas beliau.

Mengulas lanjut tentang dasar mempergiatkan aktiviti penyelidikan translasi dan transdisiplin, katanya terdapat kesan di sebalik pendekatan yang diambil itu.

“Apabila universiti memfokuskan kepada penyelidikan translasi, sedikit kemungkinan kesannya adalah dalam bidang pendidikan kerana kajian yang dijalankan lebih kepada penyelesaian masalah setempat dan negara, sekali gus sukar bagi penyelidik untuk menerbitkan jurnal.

“Diakui para ahli akademik kebanyakannya gemar memilih untuk membuat penyelidikan yang membolehkan mereka menerbitkan jurnal di peringkat antarabangsa yang turut menyumbang kepada peningkatan ranking universiti, tetapi realitinya kajian tersebut hanyalah kajian ilmu semata-mata dan kurang impaknya kepada komuniti dan industri,” katanya.

Beliau juga menjelaskan bahawa pendekatan UMS dalam mengambil ketetapan untuk memfokuskan penyelidikan yang menyumbang atau memberi impak kepada komuniti dan industri adalah lebih penting dan bermakna berbanding ranking semata-mata.

Prof. Shahril turut menekankan betapa agenda penyelidikan translasi dan transdisiplin ini mampu dijayakan melalui kerjasama rapat antara UMS dengan pelbagai pihak khususnya pihak agensi kerajaan dan swasta di negeri Sabah, selain menyifatkan hubungan kerjasama UMS dengan pelbagai agensi ini adalah satu situasi menang-menang kerana mampu memberi faedah kepada kedua-dua pihak.

“Pelaksanaan satu pelan atau dasar oleh agensi kerajaan negeri Sabah misalnya memerlukan kajian lanjut atau rujukan data-data tertentu sebelum mengambil keputusan untuk melaksanakannya, dan dalam hal ini UMS boleh memainkan peranan dengan adanya sumber kepakaran dari UMS, selain data-data yang ada boleh dikongsi sebagai tujuan membantu perancangan pembangunan negeri Sabah.

“Selain sumber kepakaran dan maklumat, UMS juga sedia untuk berkongsi aset-aset universiti yang berkaitan dengan aktiviti penyelidikan, yang mana dahulunya aset-aset ini hanyalah digunakan untuk tujuan pengajaran dan penyelidikan, tetapi bermula tahun 2018 pihak universiti telah membuka perkongsian kemudahan ini kepada pihak swasta dan agensi kerajaan,” katanya.

Ujar beliau, pihak UMS sedia untuk bertemu dengan pihak dewan perniagaan atau persatuan-persatuan industri bagi menguar-uarkan kepakaran dan kemudahan yang sedia ada bagi tujuan jalinan kerjasama khususnya berkaitan dengan dana penyelidikan.

“Aktiviti penyelidikan sememangnya memerlukan dana, dan dana yang ada pada universiti adalah terhad, justeru dalam senario sebegini adalah penting bagi universiti dan sesebuah agensi untuk bekerjasama dalam menjalankan penyelidikan kerana selain dapat berkongsi dana, kedua-dua pihak mampu menerima manfaat hasil atau keputusan kajian yang diperlukan, selain turut mampu menghasilkan sumber manusia yang berkepakaran melalui penglibatan secara langsung pelajar UMS di peringkat sarjana dan Doktor Falsafah,” katanya.